

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (51)
Tarikh : 17 September 2014

**Ketua Pengarang
Tamil Malar**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR TAMIL MALAR BERTAJUK "DAPATKAH KAMI MEMILIKI
KAD PENGENALAN BIRU SEBELUM KAMI MENINGGAL DUNIA?" BERTARIKH 11
SEPTEMBER 2014, KHAMIS – M.S: 12**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Kuppamah A/P Selamban dan Puan Maruthayee A/P Selamban berkenaan agar diberikan taraf kewarganegaraan sebelum meninggal dunia.

3. Untuk makluman, permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh Puan Kuppamah A/P Selamban dan Puan Maruthayee A/P Selamban pada tahun 2011 telah pun dikeluarkan keputusan pada tahun 2012 di mana permohonan mereka tidak berjaya.

4. Walaubagaimanapun, permohonan baru telah pun dikemukakan oleh Puan Kuppamah A/P Selamban dan Puan Maruthayee A/P Selamban di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada 04/02/2014 di JPN Putrajaya. Proses permohonan ini akan mengambil masa dalam tempoh satu tahun dari tarikh permohonan sebelum dihantar ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk keputusan. Keputusan permohonan status kewarganegaraan Malaysia tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat di kaunter JPN.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)